

# Water Improver hilangkan klorin dalam air



**KUMPULAN** penyelidik **Fakulti Perubatan Veterinar** muncul **Johan keseluruhan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif 2010 peringkat Universiti Putra Malaysia** baru-baru ini.

masa yang agak lama.

“Dengan *Water Improver* kita hanya masukkan bahan ini dan klorin dalam kandungan air paip akan hilang dengan pantas. Paling penting bahan ini selamat untuk akuakultur,” katanya.

Konvensyen yang disertai lapan penyertaan daripada pelbagai jabatan dan fakulti universiti itu ialah acara tahunan anjuran Pejabat Pendaftar UPM bagi menggalakkan penciptaan inovasi baru dalam semua peringkat perkhidmatan.

Semua pasukan yang menang akan mewakili UPM ke Konvensyen KIK peringkat Institut Pengajian Tinggi Awam kali ketujuh di UPM pada Mac ini.

Oleh **Noor Eszereen Juferi**  
bhvrsstij@bharian.com.my

**P**RODUK *Water Improver* hasil inovasi sekumpulan penyelidik Fakulti Perubatan Veterinar muncul johan keseluruhan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif 2010 peringkat Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini.

Produk yang berupaya menghilangkan kandungan toksik (klorin) dalam air dengan pantas dan menjimatkan itu berjaya mengetepikan tujuh lagi penyertaan lain daripada pelbagai unit dan jabatan universiti terbabit.

Kemenangan itu melayakkan kumpulan penyelidik seramai 10 orang diketuai

Noorazira Ishak membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM1,550 dan sijil penghargaan.

Tempat kedua dimenangi kumpulan Taman Pertanian Universiti menerusi projek Kesukaran Mengasingkan Biji Benih Jagung, manakala kumpulan Pejabat Pendaftar yang mempertaruhkan projek Pegawai Menghadiri Lati-

han Tidak Relevan Dengan Kemahiran Yang Diperlukan pula di tempat ketiga.

Masing-masing menerima wang tunai RM1,050 dan RM550 berserta sijil penghargaan yang disampaikan Pendaftar UPM, Datuk Wan Azman Wan Omar.

Sementara itu, Noorazira berkata, produk yang dihasilkan itu mampu

menghilangkan kandungan klorin dalam air paip dengan pantas dan menjimatkan.

“Sebelum ini kita menggunakan kaedah lama dengan memasukkan antiklorin bagi menghilangkan klorin dalam air paip dan terpaksa menunggu sehingga 30 minit barulah kita memasukkan antiammonia. Kaedah ini merumitkan dan mengambil